

# **KEBERKESANAN PERANCANHAN DAN PENGGANTIAN KOSA KATA DALAM KEMAHIRAN MENULIS – UBAH UNTUK BERUBAH**

Hajjah Marzia  
Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Sekolah Rendah Fuchun  
[hajjah\\_marzia@moe.edu.sg](mailto:hajjah_marzia@moe.edu.sg)

## **Abstrak**

Kajian yang telah dijalankan adalah untuk meningkatkan kemahiran menulis pelajar melalui penggunaan lembaran kerja dan senarai semak. Kumpulan sasaran adalah pelajar Primari 5 (Tahap 2). Aktiviti yang memberikan pengalaman dan peluang untuk perbincangan dan perancangan telah dijalankan untuk menggalakkan dan membantu pelajar memupuk kemahiran menulis dengan lebih yakin dan baik. Aktiviti-aktiviti yang membantu pelajar melakukan pengubahsuaian diperkenalkan agar dapat merangsang mereka untuk menjana idea dan pendapat dalam sesi perbincangan. Hasil kajian menunjukkan ada peningkatan yang signifikan dalam prestasi semua pelajar dalam menggantikan kosa kata semasa aktiviti pembelajaran dijalankan. Seramai 44% pelajar juga menunjukkan peningkatan dari segi perkembangan isi cerita setelah kaedah pembelajaran dijalankan. Pelajar didapati lebih yakin dan lebih bersedia untuk menyelesaikan tugas menulis.

Kata kunci:

Kemahiran Menulis, Perancangan, Penggantian Kosa Kata, Senarai Semak,

## **PENGENALAN**

Penulisan merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk memastikan kemahiran ini dapat dikuasai oleh murid. Untuk membantu guru memupuk murid menjadi seorang yang yakin diri dan mempunyai semangat belajar secara sendiri, uji kaji dan renungan dijalankan. Guru memperkenalkan pelbagai kaedah pembelajaran dan strategi yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran murid dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Antara usaha yang boleh dilakukan ialah menyediakan perancangan secara bertahap kepada murid. Contohan karangan diberikan kepada murid di peringkat awal dan diikuti dengan penggantian perkataan dan frasa sebelum isi dan cerita karangan dikembangkan. Dengan cara ini, murid boleh menulis dengan lebih baik kerana mendapat idea dan latihan secara bertahap. Lembaran kerja dan senarai semak juga digunakan sebagai alat penilaian untuk membantu pelajar dalam mempersiapkan diri mereka menulis tugas penulisan yang diberikan oleh guru.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian dijalankan adalah untuk meneliti:

1. keberkesanan penggunaan perancangan dalam pengajaran penulisan karangan; dan
2. keberkesanan kaedah penggantian kosa kata dan frasa dalam penulisan karangan murid.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Pada umumnya, murid menghadapi masalah untuk menulis karangan kerana mereka kurang idea dan penguasaan kosa kata terhad. Walaupun pelbagai teknik pengajaran karangan digunakan termasuklah penggunaan drama dan dialog, yang bertujuan untuk membantu murid menulis telah diterapkan, murid didapati masih lemah dalam komponen bahasa dan memerlukan perancangan yang lebih dan berbeza.

## **KAJIAN LEPAS**

Menurut Connie M.Moss dan Susan M.Brookhart (2009) dalam bukunya '*Advancing Formative Assessment In Every Classroom*' menyatakan bahawa proses pembelajaran perlu ada kerjasama antara guru dan murid. Guru dan murid dapat mencapai objektif pembelajaran dengan sentiasa mengumpul bukti pembelajaran untuk memperbaiki tahap pencapaian.

Menurut Connie dan Susan (2009), soalan-soalan seperti 'Ke manakah saya hendak pergi?', 'Di manakah saya sekarang?' dan 'Strategi apakah yang boleh membantu saya menuju ke tahap yang diinginkan?' merupakan soalan-soalan panduan bagi menjalani proses pembelajaran sendiri. Penggunaan senarai semak dapat membantu murid untuk merenung dan menilai tahap kecekapan mereka dan usaha dapat ditingkatkan untuk mencapai tahap yang diinginkan.

Roger (2001) pula mengatakan bahawa memberikan maklum balas kepada murid amat penting kerana melalui maklum balas, murid dapat membandingkan kelakonan mereka dengan yang ideal dan merenung kekuatan dan kelemahan masing-masing. Guru memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran murid. Galakan dan rangsangan guru dapat meningkatkan usaha murid untuk mencapai yang terbaik. Guru dapat memantau kemahiran murid dan melakukan campur tangan pada masa yang diperlukan agar murid dapat terus mengikuti pelajaran.

Penggantian kosa kata dalam penulisan dapat memperbaiki kelakonan murid dalam tugas menulis kerana kepelbagaian dalam kosa kata digunakan untuk menjadikan penulisan lebih menarik. Menurut M.A.K. Halliday dan Ruqaiya Hasan (1976), penggantian kosa kata adalah salah satu cara menyatupadukan idea dalam penulisan. Latihan penggantian kosa kata bertahap yang diberikan dapat membiasakan murid dengan kosa kata yang pelbagai. Murid kemudiannya bukan sahaja dapat memberikan kosa kata yang berbeza dan menarik, murid juga mampu menambahkan kosa kata dan frasa untuk menjadikan karangan mereka lebih menarik.

Colleen Johnson (2002) menyatakan bahawa pembelajaran yang berkesan dapat dilalui kanak-kanak jika mereka diberi peluang untuk melakukan aktiviti yang membolehkan mereka berfikir dengan lebih mendalam tentang proses pemikiran mereka sendiri. Menurut Kathleen Warren (1993) pula, kerjasama antara guru dan murid dapat mempengaruhi jalan cerita dan kesimpulan, menyelesaikan masalah yang mungkin timbul dan membuat keputusan yang menentukan jalan cerita tersebut. Dalam perkataan lain, pengalaman yang dilalui sendiri oleh murid membantu dan mendorong murid menulis dengan baik.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian dijalankan setelah perbincangan dilakukan antara guru-guru untuk mengatasi masalah murid yang perlu menghadapi perubahan dalam melengkapkan diri bagi kemahiran penulisan karangan yang berbeza dengan tahun sebelumnya. Guru telah bersepakat untuk menggunakan kaedah pengajaran secara perancangan dengan penggunaan contoh bertahap dan penggantian kosa kata bagi pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan di peringkat Darjah 5.

## Subjek Kajian

Subjek kajian ini melibatkan murid Darjah 5 (Tahap 2). Murid Darjah 5 didapati menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan dan menulis tugas penulisan dengan baik disebabkan kehendak soalan karangan bagi peringkat Darjah 5 sangat berbeza dengan kehendak soalan bagi peringkat Darjah 4. Murid didapati masih belum bersedia dengan perubahan dari segi jenis dan kehendak soalan penulisan karangan di peringkat Darjah 5.

## Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah data yang dikumpulkan daripada senarai semak berkaitan dengan kecekapan murid yang dimuatkan dalam lembaran kerja murid. Guru juga telah menggunakan senarai semak semasa menilai penulisan murid. Data yang dikumpulkan daripada senarai semak ini memberikan guru maklumat mengenai sebab-sebab mengapa objektif pelajaran tercapai atau sebaliknya. Melalui penggunaan senarai semak ini juga, guru dapat mengenal pasti kelemahan murid dan membolehkan guru menjalankan campur tangan yang bersesuaian dan bertepatan bagi memperbaiki pembelajaran.

## Prosedur Kajian

### Langkah 1 – Permulaan

Pada awalnya, pelajar dikenalkan dengan lagu ‘Kalau Gembira’ yang mempunyai seni kata yang berulang. Lagu yang sesuai dengan objektif pengajaran dipilih dengan teliti supaya dapat memberikan pengalaman dan peluang untuk murid berbincang. Lagu tersebut mengandungi pelbagai jenis kata dan pengulangan yang baik bagi tujuan latihan. Lagu tersebut dipilih agar dapat memberikan kesempatan kepada murid untuk memahami tujuan dan proses pembelajaran. Induksi nyanyian lagu juga dijalankan untuk menarik minat murid dan memberikan pengalaman agar dapat terlibat dalam aktiviti sumbang saran.

### Langkah 2 – Pertukaran Kosa Kata

Murid dipandu untuk memerhatikan beberapa pertukaran pada kosa kata dalam lirik lagu itu. Murid mengecam jenis kata yang diubah; iaitu kata kerja / kata nama / kata adjektif. Murid kemudiannya mengenal pasti perubahan seni kata pada lagu asal yang boleh menghasilkan satu lagi lagu lain yang menggunakan melodi yang sama. Guru mengaitkan perubahan yang berlaku pada lagu asal dengan objektif pelajaran di mana sebuah karangan yang berbeza dapat dihasilkan dengan menggantikan kosa kata dan frasa dalam penulisan tersebut. Guru juga dapat membuktikan kepada murid melalui perubahan ini, isi cerita dalam lagu tersebut juga dapat dan boleh berubah sehinggalah ia dapat menjadi hasil penulisan yang berlainan.

### Langkah 3 – Penggunaan Contohan

Murid kemudiannya diberikan contohan keseluruhan karangan berdasarkan gambar bersiri agar mereka dapat melakukan perubahan pada karangan tersebut dengan menggunakan pelbagai jenis kosa kata. Namun begitu jalan cerita masih tetap relevan dan sesuai dengan gambar. Contoh karangan yang dipilih merupakan karangan yang menepati gambar bersiri dan mempunyai pelbagai kosa kata serta isi yang padat.

#### Langkah 4 – Kerja Kumpulan dan Perbincangan

Setiap kumpulan murid melakukan perubahan pada beberapa perenggan yang ditetapkan guru. Kerja kumpulan memberikan peluang yang baik untuk murid menambah pengalaman dan pengetahuan. Secara berkumpulan, murid dapat melihat kecekapan berbahasa rakan mereka dan menilai diri mereka sendiri. Kumpulan yang kecil juga memberi murid peluang untuk menyatakan pendapat mereka dalam suasana yang tidak terancam. Pada awalnya, kosa kata yang boleh diubah atau digantikan dengan kosa kata lain, ditetapkan oleh guru dengan menggaris bawah kosa kata tersebut. Murid perlu mengenal pasti jenis kata dan mengubahnya dengan kosa kata jenis yang sama. Semasa perbincangan, murid digalakkan menggunakan kamus jika mereka tidak berupaya menggantikan kosa kata yang diberikan.

Cara ini melibatkan murid secara tidak langsung untuk belajar sendiri dan memberikan gambaran mengenai tahap kecekapan mereka. Sikap belajar secara sendiri dan menilai kecekapan sendiri inilah yang ingin dilihat dalam diri murid sesuai dengan kemahiran abad ke-21.

#### Langkah 5 – Penggunaan Contohan Karangan

Langkah seterusnya, murid diberi contohan karangan yang lain dan mereka bebas mengubah kosa kata di dalamnya. Ini memberikan murid peluang untuk menggunakan kosa kata yang pelbagai yang mereka ketahui atau yang ingin mereka gunakan. Latihan ini juga dapat memberikan perancangan dan latihan yang cukup agar mereka lebih yakin dan cekap dalam tugas yang bakal diselesaikan. Latihan menggantikan kosa kata ini membiasakan murid untuk memikirkan kosa kata yang pelbagai, yang dapat digunakan dalam penulisan mereka. Murid yang lemah dalam kosa kata, dapat juga dikenal pasti oleh guru kerana mereka hanya mampu menggantikan kosa kata yang mudah atau biasa digunakan sahaja. Pemulihan dan bimbingan kemudiannya dapat diberikan kepada murid yang memerlukan lebih bantuan.

#### Langkah 6 – Perancangan

Guru menyediakan langkah perancangan dalam langkah seterusnya. Murid kemudiannya dibantu dengan lembaran menggantikan frasa. Frasa yang perlu diubah dikenal pasti oleh guru pada awalnya, diikuti dengan latihan mengubah tanpa bantuan guru. Murid digalakkan menggantikan frasa dengan frasa sinonim yang sesuai. Mereka juga boleh menyarankan kosa kata atau frasa-frasa lain yang difikirkan sesuai untuk digantikan. Cara ini membantu mereka meluaskan isi cerita pada karangan asal. Latihan ini juga secara tidak langsung melatih murid mempersiapkan diri untuk menyelesaikan latihan terakhir dalam pengajaran.

#### Langkah 7 – Aplikasi dan Pengukuhan

Latihan terakhir melibatkan aktiviti yang memberikan ruang bagi murid mengubah dan menambah isi dan contohan dalam penulisan karangan. Murid diberikan kebebasan untuk mengubah dan menambah isi cerita bagi contohan karangan yang diberi. Murid menggunakan strategi mengenal pasti jenis kosa kata dan mengubah kosa kata agar penulisan mereka bertambah menarik. Murid juga boleh menambahkan frasa yang sesuai untuk melengkapkan isi cerita agar menjadi lebih berkesan. Penambahan isi cerita juga digalakkan untuk menjadikan penulisan murid lebih padat dan menarik.

Murid melalui dua kitaran dalam jangka masa tiga bulan. Murid mendapat bantuan dalam pengubahsuaian kosa kata pada kitaran pertama dan meluaskan kepada frasa dan isi cerita pada kitaran kedua.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan murid pada awalnya didapati hanya mampu mengubah kosa kata yang biasa sahaja. Murid tidak berupaya untuk menggunakan kosa kata yang lebih berkesan semasa melakukan perubahan pada karangan mereka. Penggunaan kamus didapati menyekat pembelajaran kerana murid mengambil masa yang agak lama untuk mencari makna dan kata sinonim yang sesuai. Murid juga didapati ragu-ragu dalam mengubah contoh karangan yang diberikan.

Setelah perbincangan dan rancangan pengajaran serta lembaran perancangan diubah suai untuk menepati kehendak dan tujuan pembelajaran, murid didapati lebih bersedia menyiapkan tugas yang diberikan. Daftar kata telah digunakan untuk menggantikan penggunaan kamus kerana ia lebih mudah dan terarah. Guru juga memberi lebih banyak latihan agar murid lebih yakin dan tahu apa yang diperlukan daripada mereka. Penerangan dan galakan guru mengenai kebebasan yang diberikan kepada mereka untuk mengubah dan menambah isi cerita telah merangsang murid untuk menyelesaikan tugas sesuai dengan objektif pembelajaran.

Aktiviti perbincangan yang dijalankan didapati membantu murid untuk mengembangkan pemikiran dan proses ini menjadikan pembelajaran lebih bermakna kerana pelajar berperanan lebih aktif dalam memperoleh pengetahuan. Maka pengalaman dan peluang untuk perbincangan dan perancangan yang telah dijalankan semasa kajian ini terbukti dapat menggalakkan dan membantu murid memupuk kemahiran menulis mereka dengan lebih yakin dan baik. Penggunaan senarai semak pula mendorong murid menyemak dan memikirkan cara-cara untuk meningkatkan kemahiran menulis kerana murid diberi gambaran tentang tahap kemahiran yang harus dicapai.

Data yang dikumpulkan merupakan markah yang murid raih dalam tugas penulisan. Terdapat dua jenis markah yang telah dikumpul. Markah yang pertama merupakan markah yang diperolehi murid apabila terdapat perubahan kosa kata dalam tugas sementara markah kedua merupakan markah yang diraih daripada hasil penambahan atau pengubahsuaian isi cerita.

Dapatan kajian menunjukkan ada peningkatan bagi kedua-dua bahagian dari segi perubahan dan penambahan / pengubahsuaian. Kesemua murid telah dapat menggantikan perkataan / frasa yang lain hingga dapat membuat perubahan pada contoh karangan. Sementara itu, seramai 44% murid didapati telah berjaya memasukkan isi-isi yang lain yang tidak terdapat dalam contoh karangan yang diberikan dalam penulisan karangan mereka.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, murid didapati belajar menulis dengan cara melakukan dan bukan melalui bacaan mengenai bahan penulisan atau melihat sahaja. Faktor yang penting di dalam latihan penulisan adalah murid perlu melibatkan diri secara aktif agar pengalaman belajar dapat memberikan kesan dan bermakna. Guru perlu menggalakkan dan terlibat sama dalam merangsang murid terlibat aktif dalam perbincangan. Usaha meluaskan kosa kata dan frasa murid memerlukan juga penglibatan aktif guru semasa menjalankan aktiviti perbincangan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penggunaan lembaran kerja berupa penggantian perkataan / frasa dan senarai semak telah membantu murid dalam membuat perubahan dan perkembangan isi cerita semasa tugas menulis dijalankan. Dengan mengadakan latihan sebegini, murid dapat menggunakan idea dan kosa kata yang pelbagai dalam penulisan mereka. Senarai semak yang murid gunakan memberikan gambaran kebolehan murid dan murid dapat meningkatkan kebolehan mereka kerana mereka tergalak untuk menaik taraf kebolehan sendiri.

Oleh kerana keberkesanannya, kajian telah dilanjutkan untuk murid-murid lain. Murid Darjah 5 (Tahap 1) dapat menjalani pembelajaran dengan mudah sementara murid Tahap 3 memerlukan lebih bimbingan. Suasana bilik darjah yang tidak mengancam membolehkan murid berkongsi dan

memberikan pendapat mereka semasa sesi perbincangan. Diharapkan melalui kajian ini, guru dapat menghasilkan murid yang mahir berkomunikasi dan cekap berbahasa termasuk dalam kemahiran menulis.

## **Rujukan**

- Jennifer Stepanek, Gary Appel, Melinda Leong, Michelle Turner Mangan & Mark Mitchell (2007), *Leading Lesson Study*, Corwin Press.
- Johnson, Colleen(2002) '*Drama and Metacognition*', Early Child Development and Care, 172: 6, 595—602
- Kathleen(1993) '*Empowering children through drama*', Early Child Development and Care, 90:1, 83—97
- Connie M. Moss, Susan M. Brookhart (2009), *Advancing Formative Assessment In Every Classroom, a Guide for Instructional Leaders*, ASCD
- Roger, Jenny. 2001. In Adults Learning; Buckingham: Open University Press(online). Retrieved on September, 23 2012. [www.findarticles.com/ articles/feedback/](http://www.findarticles.com/articles/feedback/)
- M. A. K. Halliday and Ruqaiya Hasan 1976. *Cohesian in English*, Longman

## Biodata

Nama Pembentang	Hajjah Marzia Bte Abdul Rahman
Institusi	Pusat Bahasa Melayu Singapura Sekolah Rendah Fuchun Kementerian Pendidikan Singapura
Kelayakan Akademik	Diploma Pendidikan NIE
Pengalaman	Cikgu Hajjah Marzia telah mengajar pelajar di peringkat P6 selama 12 tahun. Cikgu Hajjah Marzia juga terlibat dalam melatih guru-guru pelatih (NIE) di sekolah selama 5 tahun. Cikgu Hajjah Marzia berminat dalam bidang kajian dan sering berkongsi mengenai kajian yang dijalankan di Seminar Bahasa Melayu dan peringkat kelompok sekolah.